

Di Mana Tempat Perlindungan...

Perkembangan hidup kanak-kanak Islam ini dari sesuatu masa ke suatu masa mereka kaji, mereka analisa dengan begitu teliti, kemudian mereka bahagikan kepada beberapa bahagian yang tertentu, dari sejak ia berada di alam kanak-kanak hingga meningkat ke umur remaja seterusnya setelah ia memasuki alam dewasa menuju ke zaman tua. Dari sinilah bermulanya generasi-generasi Muslim ditolak ke dalam perangkap-perangkap yang diselubungi dengan tirai-tirai yang bercorak seni kebudayaan Barat yang menyebabkan mereka tertarik dengan segala keindahannya yang palsu dan lantas meninggalkan kebudayaan asli yang mereka pusakai dari datuk nenek mereka dari sejak zaman berzaman.

Apabila telah kita ketahui bahawa “sentimen utama yang didapati dalam kehidupan manusia sehari-hari ialah sentimen yang beremosi **cinta** dan **benci**; sesuatu perasaan emosi yang ada hubungannya dengan **kesukaan** ia termasuk di dalam bahagian sentimen **cinta** dan sesuatu perasaan emosi yang ada hubungannya dengan **kemarahan**, ia termasuk dalam sentimen **benci**”*. Maka dapatlah kita mengetahui rahsia yang terkandung di dalam tabiat seseorang paderi wanita yang diberi tugas untuk mendidik generasi Muslim angkatan baru dari suatu masa ke suatu masa. Dari sinilah kita dapat menyeluk dan membongkari

perasaan “kasih sayang” palsu yang diberikan kepada kanak-kanak Islam yang di bawah pendidikan mereka, iaitu kasih sayang yang mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu untuk meruntun jiwa dan segenap perasaan kanak-kanak itu masuk ke dalam golongan mereka.

Walau bagaimanapun kepalsuan rasa “kasih sayang” yang ditunjukkan oleh paderi wanita itu terhadap kanak-kanak Muslim yang di bawah pendidikannya, namun demikian ia benar-benar dapat membentuk jiwa kanak-kanak itu ke arah mana sahaja haluan yang dikehendakinya. Kalau kita perbandingkan pendidikan dari seorang ibu Muslim yang hanya mementingkan makan minum dan pakai patut untuk diri mereka sendiri sahaja, maka pendidikan yang diberikan oleh golongan paderi wanita ini jauh lebih berkesan dan dapat menghidupkan jiwa dan semangat kanak-kanak yang dididiknya itu. (Benarlah sebagaimana kata seorang ahli falsafah; Kepalsuan yang berdisiplin itu lebih baik daripada keaslian yang tidak berperaturan – P).

Sentimen *māḍī* dan *ma'nawī*:

Sesungguhnya sentimen itu pada umumnya merupakan “*māḍī*” (*material*) dan “*ma'nawī*” (*immaterial*). Sentimen yang berbentuk “*māḍī*” itu termasuk perasaan atau emosi “cinta kebendaan”, sedang sentimen yang berbentuk “*ma'nawī*” itu pula termasuk perasaan “kerohanian”. Di antara emosi-emosi tersebut ialah

cintakan kecantikan, kebenaran, kemuliaan dan ketinggian; lawannya cintakan keburukan, kehinaan dan penindasan. Keseluruhan emosi-emosi tersebut kian berkembang mengikuti perkembangan-perkembangan fikiran dan kesuburan anggota badan; dengan berkembangnya akan fikiran seseorang manusia itu berkembang pulalah batasan emosi dan kecenderungannya.

Ini dapat kita perhatikan dalam bulan yang pertama seseorang bayi itu hanya tertumpu kepada perasaan rasa “kasih sayang” yang diberikan oleh ibu kandungnya, kemudian emosi itu kian berkembang meliputi “kasih sayang” terhadap bapa. Kian hari kian bertambahlah umur kanak-kanak itu, kian berkembang dan tambah meluaslah pula emosi-emosi yang tertanam di jiwanya. Kasih mesranya menjalar kepada kaum keluarga di rumah, kemudian termasuk sanak saudara yang di luar rumah, terhadap jiran tetangga akhirnya meliputi sekalian kawan-kawan sepermainan dan teman-teman sepelajaran di sekolah. Manakala kanak-kanak tadi telah meninggkat ke umur remaja dan seterusnya memasuki ke alam dewasa, maka emosi kecintaannya itu tambah meluas meliputi bangsa dan tanah airnya. Kalau kesan-kesan pendidikan agama yang diberikan kepadanya itu benar-benar tertanam dengan mendalam di jiwanya, maka tidaklah mustahil emosi kecintaannya itu meliputi segenap manusia yang seagama dengannya, dan boleh jadi juga meliputi umat manusia yang satu asal kejadian dengannya**

*Buku “Asas Kesihatan Jiwa” karangan Doktor Abdul Aziz al-Qausi muka surat 120.

** Buku “Asas Kesihatan Jiwa” muka surat: 102.

Di Mana Tempat Perlindungan...

Manakala kita mengambil perhatian segala penjelasan-penjelasan yang telah dibayangkan di atas, maka jelaslah kepada kita akan segala kepalsuan yang diagung-agungkan oleh golongan manusia yang berhati serong terhadap perkembangan Islam ke seluruh alam jagat ini. Kata-kata yang dipenuhi dengan dialog dengan menggembar-gemburkan perasaan kasih sayang, saling cinta-mencintai dan tolong-menolong demi untuk membina sebuah masyarakat hidup seluruh umat manusia yang aman damai dan harmonis, semuanya itu adalah omong kosong belaka. Kalau boleh biarlah selamanya umat Islam hidup tertindas di bawah cengkaman kuku besi penjajah Barat dan kalau ada kemungkinan biarlah agama Islam ini dibasmi habis-habisan dari permukaan bumi ini. Tetapi mereka tidak mempunyai kekuasaan berbuat demikian. Masakan boleh cahaya Tuhan yang telah menyinari segenap penyusuk alam jagat ini akan mereka tiup dengan mulut-mulut mereka? Tentu mustahil, bukan?

Bersikap pura-pura:

Kembali kita memperhatikan gerak langkah yang dilaksanakan oleh paderi-paderi wanita menjalankan segala tugas pendidikan yang telah dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Mereka terus menerus bersikap pura-pura menunjukkan perasaan, “kasih sayang” terhadap kanak-kanan Muslim yang telah diserahkan oleh ibu bapa mereka untuk diberikan

pendidikan yang seimbang dan seialiran dengan kemajuan zaman, kononnya! Kanak-kanak Muslim yang dalam peringkat umurnya begitu mentah tentu menerima sahaja apa corak pendidikan yang diberikan kepada mereka, jiwa mereka boleh dilentur, dibengkokkan, dipatahkan menurut acuan-acuan yang telah disediakan oleh para pendidikannya. Memang benarlah sebagaimana sabda Rasulullah (S.A.W): “Bahawa kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah (semula jadi), kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikannya seseorang Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”

Cara-cara pendidikan yang diberikan oleh paderi-paderi wanita itu adalah mengikuti pelan-pelan yang telah diatur dengan serapi-rapinya oleh Pusat Pengembang Agama Kristian Antarabangsa, pendidikan yang dijalankan dengan teratur rapi bersesuaian dengan tingkatan umur dan perkembangan akal seorang kanak-kanak, dengan cara ini, jiwa seseorang kanak-kanak mudah dibentuk setingkat demi setingkat berdasarkan pelan-pelan yang telah diatur.

Kalau dipandang dengan sepintas lalu – tanpa dikaji dan tanpa diselidik – memang ternyata kesan-kesan zahirnya ada membawa kepada kebaikan dari segi perkembangan akal fikiran seorang kanak-kanak, lantaran sistem-sistem pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak itu berjalan dengan begitu lengkap. Pendidikan secara ini memang tidak dapat dijalankan dalam sesebuah rumah tangga keluarga Muslim yang terdiri daripada ibu bapa

yang jahil dalam lapangan pendidikan cara moden.

Keindahan yang palsu:

Dalam keadaan suasana yang begitu teratur terdidiklah kanak-kanak Muslim yang dihantar “ke taman-taman asuhan” dan “ke sekolah-sekolah rendah *missionary* Kristian” di bawah penjagaan kaum paderinya yang sentiasa mencari jalan untuk memesonkan kepercayaan kanak-kanak Muslim dari akidah Islam yang sebenarnya. Akibatnya bila umur kanak-kanak itu telah meningkat remaja dengan sendirinya ia akan merasakan bagaimana indahny sistem pelajaran yang diterimanya dari sekolah-sekolah atau maktab-maktab yang bercorak Kristian ala Barat itu, jika dibandingkan dengan sistem-sistem pendidikan yang bercorak keislaman yang diberikan oleh guru-guru Muslim yang mengajar di madrasah-madrasah agama.

Dalam hal yang demikian, dengan tidak disedari oleh ibu bapa Muslim, segenap jiwa raga anak-anak mereka telah terpengaruh dengan segala keindahan palsu itu dan lantas menganggap bahawa sistem pendidikan ala Barat itulah yang dapat menjamin keselamatan hidup masa depan mereka, serta memandang segala sesuatu yang datangnya dari benua Barat itu mulia, benar dan bernilai. Sedikit demi sedikit kepercayaan mereka terhadap ajaran-ajaran Islam yang hanya diagung-agungkan oleh orang-orang Islam secara teori tanpa praktikal itu, menjadi tipis. Inilah satu dari sebab-sebab generasi Muslim angkatan muda pada hari ini semakin liar dan melarikan diri dari sesuatu yang

Di Mana Tempat Perlindungan...

yang¹ berbentuk Islam, sehingga ada di antara mereka yang berani mengatakan dengan berterang-terangan bahawa segala ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam itu kolot, sudah lapuk, sudah usang dan tidak sesuai lagi dipraktikkan dalam zaman baru yang serba-serbi maju dan moden ini.

Inilah natijah dan salah pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa dan para pendidik Muslim terhadap anak-anak mereka pada hari ini. Setiap pendidikan yang berdasar “keras” dan “kasar” akan mengecewakan kanak-kanak untuk meminati ilmu pengetahuan sama ada pengetahuan itu berbentuk agama mahu

pun bercorak keduniaan.

Makalah yang bernilai ini akan kita sambung pada keluaran akan datang dengan mengemukakan dengan beberapa contoh pendidikan yang dijalankan dengan secara “kekerasan” dan “kasar” berdasarkan “paksaan” yang tidak mengikuti sistem-sistem moden yang mengutamakan iradat fitrah atau “kemahuan semula jadi” yang kecerdasan akal fikirannya hidup subur untuk membina masa depannya yang progeres dan sukses bagi menghadapi cabaran zaman yang sentiasa bergolak menimpa sejarah hidup manusia yang kian hari bertambah maju menuju ke dunia baru yang cemerlang.

Bersambung.

Kata-kata hikmah

Meskipun hanya sehelai rambut yang memperhubungkan aku dengan rakyat. Sedemikian kecilnya rambut itu namun ia tidak akan putus-putus sebab bila rakyat itu keras, akan aku hulurkan, dan manakala mereka lembut, waktu itulah aku tarik.

(Muawiyah).

* * *

Pemimpin-pemimpin yang baru-baru ini

kebesaran sesuatu negara, mereka jarang tinggal menetap dalam istana-istana yang besar.

(Wales).



Anggota-anggota pekerja Dewan Bahasa dan para jemputan sedang menikmati jamuan di dalam “Majlis Jamuan Perpisahan” Tuan Syed Nasir bin Ismail di bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan Januari 1969 yang lalu.

¹ Pengulangan perkataan yang.